

10

KELUARAN KHAS UniKL

•• BERITA HARIAN Sabtu 4 September 2004

Logo jadi kebanggaan

WARNA biru, emas dan merah yang terdapat dalam logo Universiti Kuala Lumpur (UniKL) secara keseluruhannya melambangkan pendekatan pendidikan teknologi berasaskan kemahiran yang akan menjadi teras bagi Malaysia mencapai status negara maju.

Rasional warna biru ialah mendakar pekerja profesional dan separuh profesional yang dilatih UniKL melalui pendekatan teknologi secara kemahiran.

Warna emas menggambarkan

bahawa kursus yang ditawarkan universiti itu berteknologi tinggi, manakala warna merah pula menunjukkan obor kemajuan.

Bentuk separuh gear bergerigi tujuh dalam logo berkenaan menunjukkan tujuh Institut Kemahiran Tinggi Mara yang menjadi institut pengasas UniKL.

Tujuh institut itu ialah Malaysia France Institute (MFI), British Malaysian Institute (BMI), Malaysian Institute of Aviation Technology (MIAT), Malaysian Spanish In-


stitute (MSI), Institut Infotech Mara (IIM), Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Engineering Technology (MICET) dan Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (MIMET).

Bentuk tersebut diambil daripada sebahagian logo Mara yang memberi maksud ranggungjawab UniKL terhadap taibahan kemahiran Mara.

Royal College of Medicine Perak kini menjadi institut cawangan

terbaru UniKL.

Bentuk 'U' di tengah-tengahnya pula menunjukkan bahawa UniKL sebagai institusi pengajian tinggi yang terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur, manakala bentuk latar langit Kuala Lumpur menandakan lokasi universiti berkenaan di ibu kota.



Rasional penubuhan universiti

- Untuk menyumbangkan kepada aspirasi negara menjadi negara maju menjelang 2020.
- Untuk memenuhi permintaan bagi profesional teknikal yang berkemahiran tinggi.
- Untuk melahirkan graduan yang boleh menerima, menyesuaikan, memaju dan mencipta teknologi.
- Untuk menyediakan laluan pendidikan alternatif bagi pelajar yang cenderung kepada bidang teknologi.
- Untuk menggalakkan aplikasi pengetahuan dan kemahiran secara praktikal bagi menyumbang kepada perkembangan tamadun.

Cokmar Canselor lambang kekuatan



COKMAR Canselor melambangkan kekuatan dan keutuhan bangsa Malaysia. Motifnya ialah gabungan reka bentuk moden dan tradisional.

Motif ini menggambarkan pembangunan mengikut perkembangan teknologi.


Motif tradisional melambangkan bangsa yang mempunyai peranan besar dalam perkembangan ilmu serantau dan global.

Bentuk cokmar melambangkan bahawa ilmu senantiasa berkembang dari peringkat ke peringkat seterusnya sehingga mencapai puncak kegemilangan.


Cokmar itu juga melambangkan usaha padu dan niat murni untuk memajukan ilmu teknikal untuk kebaikan sejagat.



Jubah UniKL




Canselor



Pro Canselor



Presiden



Mahasiswa/siswi

Warna emas melambangkan teknologi tinggi

REKA bentuk bendera Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mengandungi logo terletak di tengah-tengah hendara yang terdiri daripada lengkungan biru di atas latar belakang warna emas.

Latar belakang berwarna emas melambangkan teknologi tinggi yang hendak dicapai negara, juga membayang-

kan harapan dan kekuatan UniKL dalam membangun dan mempertingkat status pendidikan teknologi negara.

Lengkungan biru pula melambangkan bulan yang sentiasa bergerak pada orbitnya sebagai tanda usaha berterusan UniKL untuk bergerak ke hadapan mengikut peredaran masa supaya sentiasa relevan dan berdaya saing.